

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 2/1988

PENURUNAN KUASA UNTUK MEMPERCEPAT PROSES
PINDAHMILIK DAN GADAIAN TANAH

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Jawatankuasa yang telah dilantik untuk mengkaji Dasar Tanah Negeri Kelantan telah juga membuat kajian mengenai proses pindahmilik dan gadaian tanah. Pada masa yang lepas permohonan demikian telah di bawa untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan juga YAB. Dato' Menteri Besar. Demi untuk mempercepatkan proses pindahmilik dan gadaian tanah Jawatankuasa tersebut telah memperaku supaya cara yang dijalankan pada masa ini diubahsuai supaya kerja-kerja memproses permohonan pindahmilik dan gadaian dapat dipercepatkan. Perakuan Jawatankuasa tersebut telah ditimbang oleh Majlis Mesyurat Kerajaan pada 9.3.88 mengikut Kertas Bil. 5/135/88(3) dan Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menurun kuasa melulus seperti berikut:-

- 1.1 YAB. Dato' Menteri Besar Kelantan diberi kuasa di bawah Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 untuk:
 - (a) Meluluskan pindahmilik tanah yang terletak diluar Rizab Melayu antara sesama Orang Bukan Melayu Peranakan Kelantan bagi tanah yang terkena kepada sekatan kepentingan di bawah Seksyen 120 K.T.N. ;
 - (b) Melulus pindahmilik tanah yang dimiliki oleh Orang Bukan Melayu diluar kawasan Rizab Melayu kepada anak cucu dan sebaliknya.

1.2 YB. Dato' Setiausaha Kerajaan diberi kuasa di bawah Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 untuk:

- (a) Meluluskan cagaran tanah kepada Institusi Kewangan yang tidak disenarai dalam Jadual D dan Jadual 26A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938;
- (b) melulus cagaran tanah kepada Institusi Kewangan yang terkena kepada Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 KTN sama ada yang disenarai atau tidak dalam Jadual D dan Jadual 26A.

1.3 Kelulusan pindahmilik tanah antara sesama Orang Bukan Melayu di dalam kawasan Rizab Melayu masih terletak ditangan Pihak Berkuasa Negeri dan perlu diangkat bagi pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Pekeliling ini dikuatkuasa mulai tarikh pengeluaranya. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil ingatan bahawa bagi permohonan sedemikian kertas kerja hendaklah diubahsuai supaya permohonan diproses dan angkat untuk pertimbangan YAB. Dato' Menteri Besar dan juga YB. Dato' Setiausaha Kerajaan .

3. Penurunan kuasa ini akan diwarta tidak berapa lama lagi namun begitu ianya akan berkuatkuasa mulai tarikh pengeluaran Pekeliling ini.

t.t

(HJ.ISMAIL HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
15576 KOTA BHARU.

BERTARIKH : 25hb. APRIL, 1988

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan.

Salinan Kepada:-

1. YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Juru Audit Negeri Kelantan.
7. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
8. YABrs. Pengurus Besar KESEDAR.
9. YABrs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
10. YABrs. Pengurus Besar PKINK

FAIL : **P.T.G.KN.SULIT BIL:13/75/(37)**
P.T.G.KN.SULIT BIL:1/2/4(15).